

You are here: >> [Archival News](#)

Demonstrasi bantah pembinaan `Kerinci Link`

Source: Utusan Malaysia

Date: 20-02-1998

KUALA LUMPUR 19 Feb. _ Jawatankuasa Bertindak Masjid Ar Rahman akan mengadakan demonstrasi bagi membantah cadangan pembinaan lebuh raya bertol `Kerinci Link` yang dikatakan akan memusnahkan sebahagian besar kawasan masjid berkenaan.

Menurut pengerusi jawatankuasa berkenaan, Dr. Fadzim Othman, demonstrasi secara aman itu akan diadakan di kawasan masjid berkenaan selepas solat Jumaat esok.

``Tunjuk perasaan itu dijangka akan disertai oleh semua jemaah yang hadir serta penduduk berdekatan,`` kata beliau ketika dihubungi hari ini.

Menurutnya lagi, tindakan mengadakan tunjuk perasaan itu juga adalah bagi mempengaruhi `perbincangan` antara Universiti Malaya (UM), Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM), Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan juga pemegang konsesi projek itu, Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn. Bhd. yang dilaporkan akan diadakan pada 23 Februari ini.

Tambah beliau, jawatankuasa itu dianggotai oleh Persatuan Kakitangan Akademi UM (PKAUM), Persatuan Kebajikan Kakitangan Islam UM, Persatuan Pelajar dan Anak Negeri, wakil surau di bawah pentadbiran Masjid Ar Rahman dan juga Jawatankuasa Kampung (JKK) Kampung Kerinci.

Jelas beliau, jawatankuasa bertindak itu telah ditubuhkan secara rasminya pada 11 Februari lalu sebagai satu `platform` untuk menyuarakan bantahan mereka mengenai isu pembinaan lebuh raya tersebut secara lebih tersusun.

``Kita bukannya membantah pembangunan, tetapi kita hanya ingin mempertahankan masjid dan kawasannya supaya tidak diceroboh dengan sewenang-wenangnya,`` kata beliau memperjelaskan pendirian jawatankuasa itu.

Kata Dr. Fadzim lagi, sepatutnya sebarang pembangunan yang dirancang mengambil kira segala aspek, termasuk perkara-perkara yang boleh menyentuh sensitiviti sesuatu kaum.

``Pembangunan sepatutnya tidak hanya memikirkan keuntungan semata, tetapi turut mengambil kira semua aspek yang berkaitan terutamanya yang membabitkan kepentingan dan sensitiviti sesuatu kaum,`` ujarnya.

Mengulas kenyataan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu yang mengatakan pembinaan lebuh raya itu tetap akan dilaksanakan walaupun mendapat bantahan banyak pihak, beliau berkata: ``Itu pandangan beliau, dan kita juga ingin menyatakan pandangan dan pendirian kita berhubung isu itu.``

Beliau juga menyatakan kekecewaannya kerana pihak pentadbiran dan pengurusan masjid tidak diundang menghadiri mesyuarat yang akan diadakan minggu depan.

``Banyak pertemuan telah diadakan, tetapi kita tidak pernah diundang untuk menerima penjelasan dan memberi pandangan,`` katanya.

Untuk itu, kata beliau, pihaknya juga akan menghantar memorandum kepada pihak berkenaan bagi menyatakan bantahan terhadap cadangan pembinaan lebuh raya itu yang mengikut pelannya akan memusnahkan sebahagian besar kawasan masjid itu.

Tegas beliau, jika segala tindakan berkenaan gagal untuk menyelesaikan masalah tersebut, pihaknya akan mengadap Yang di-Pertuan Agong bagi mendapatkan penyelesaian sebagai langkah terakhir.

(Source : Utusan Malaysia)